

## **SYARAT-SYARAT RUMAH URUT**

### **SYARAT-SYARAT KELULUSAN RUMAH URUT**

#### **1. PREMIS DAN LOKASI**

- a) Lokasi premis hendaklah berjauhan daripada kawasa sensitive (kediaaman , rumah ibadat dan sekolah), kompleks perdagangan, kompleks membelih-belah, dan kedai pejabat sahaja.
- b) Pintu masuk urut hendaklah diliputi cermin telus bagi satu per empat daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
- c) Pemegang lessen tidak boleh menyekat keseluruhan tempat-tempat di dalam rumah urut yang digunakan untuk apa-apa urutan atau rawatan kecantikan atau rawatan bagi memelihara mana-mana bahagian badan dan muka.
- d) Pemegang esen hanya dibenarkan memasang langsir seperti yang ditentukan oleh PBT untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut dan merawat tetapi langsir tidak boleh melebihi (2) meter tinggi dari lantai.

#### **2. PEKERJA DAN TUKANG URUT**

- a) Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang tidak menjolok mata.
- b) Warna dan rekabentuk pakaian seragam ditentukan mengikut kesesuaian PBT.

#### **3. PEMERIKSAAN KESIHATAN**

Semua pekerja yang memberi rawatan bagi urutan perlu menjalankan pemeriksaan kesihatan oleh seorang Pegawai Perubatan enam (6) bulan sekali.

#### **4. DAFTAR PEKERJA DAN PELANGGAN**

- a) Satu buku daftar yang mengandungi nama , no. kad pengenalan, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan.
- b) Satu buku daftar yang mengandungi nama, pelanggan , no. kad pengenalan, warganegara, alamat kediaman, tarikh dan masa hendaklah disediakan.

#### **5. MASA OPERASI**

Premis dibenarkan beroperasi sehingga pukul 1.00 pagi sahaja.

## **6. PERLESENAN**

Perniagaan ini adalah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Perniagaan Kesihatan 2007.

## **7. WANG CAGARAN**

- a) Setiap permohonan dikenakan bayaran cagaran. Wang cagaran tersebut adalah sebagai jaminan kepada pemohon supaya pada setiap masa mematuhi peraturan dan syarat-syarat pemberian lesen yang ditetapkan.
- b) Wang cagaran tersebut akan dirampas (forfeited) apabila pemohon melanggar syarat-syarat atau sekatan lessen itu dan peruntukan-peruntukan enakmen atau mana-mana yang telah ditetapkan.

## **8. JANGKA MASA SALAHLAKU LESEN**

Secara prinsip, sesuatu lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak kecuali dibuat melalui permohonan baru. Untuk itu dicadangkan permohonan pembaharuan lessen hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tarikh luput lesen.

## **9. SYARAT-SYARAT LESEN**

Sesuatu lesen yang dikeluarkan adalah menyatakan dengan jelas syarat-syarat sesuatu rumah urut tersebut. Ini meliputi syarat-syarat seperti berikut:-

### **a) Am**

- i. Had masa operasi
- ii. Kebersihan premis
- iii. Pencahayaan (lighting) dalam hendaklah sentiasa terang
- iv. Pengudaraan (ventilation)
- v. Sistem keselamatan
- vi. Semua pengubahsuaian yang dibina mesti mendapat kebenaran Jabatan Bangunan PBT dan perakuan Jabatan Bomba.

### **b) Khusus**

- i. Pekerja asing perlu ada permit dari Jabatan Imigresen dan membuat Pemeriksaan Kesihatan
- ii. Pengasingan bilik tempat mengurut dengan pintu ayun atau langsir kain sahaja yang tidak melebihi ketinggian dua meter.
- iii. Menyediakan maklumat/rekod pekerja dan bersedia menunjukkan kepada pegawai pemeriksa apabila diminta.
- iv. Maklumat yang diperlukan ialah nama pekerja, umur, no.kad pengenalan/passport, warganegara dan tahap kelulusan.

- v. Maklumat pelanggan (nama, alamat, pekerjaan dan tarikh kunjungan) hendaklah direkodkan dalam buku khas dan boleh ditunjukkan kepada pegawai pemeriksaan apabila diminta.
- vi. Dilarang memamer gambar lucah dalam premis urut atau sekitarnya.
- vii. Semua tukang urut dan pekerja hendaklah berpakaian seragam yang sopan serta tidak menjolok mata.
- viii. Mempamerkan papan tanda pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.
- ix. Aktiviti pelacuran dilarang sama sekali.

## **10. PEMBATALAN LESEN**

Sesuatu lesen boleh dibatalkan oleh Pegawai Pelesenan pada bila-bila masa melalui suatu notis bertulis jika pemegang lesen didapati melakukan pelanggaran peruntukan undang-undang atau mana-mana peraturan.

## **11. KAE DAH PELAKSANAAN DASAR DAN GARIS PANDUAN**

Mana-mana pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan yang berlesen tetapi tidak mematuhi syarat mengikut dasar dan dasar panduan ini, hendaklah diberi peluang untuk memenuhi syarat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh keputusan permohonan diumumkan oleh PBT. Jika mereka gagal selepas tempoh tersebut, mereka diminta memberhentikan operasi atau dikenakan tindakan penguatkuasaan.